

# Kurikulum Pendidikan Dari Perspektif Islam Dalam Konteks Pendidikan Di Malaysia

Oleh

Dr. Rosnani Hashim

## Abstract

*This paper assumes that the problems confronting the Muslim ummah throughout the world stem from education which itself is plagued with a lot of challenges. It attempts to analyze the educational curriculum, which is a major aspect of education that lends its shape. The paper argues that many Islamic educational institutions today suffer from weak curricula. To highlight this, the writer prefaces her paper with a discussion on the theory of curriculum development which comprises four basic components : educational objectives; learning experiences, organization of the learning experiences and evaluation of achievement of objectives. The most conspicuous weakness is the ambiguity or sometimes the non-existence of a clear philosophy of education which acts as the basis for any educational institution. As a result the curriculum formulated does not reflect the philosophy which is supposed to underlie it. Instead, it reflects that of an alien philosophy such as the liberal, secular philosophy. The analysis also shows that the learning experiences provided are in some instances inadequate and not in line with the educational objectives. Based on these weaknesses and the divergence of curriculum from the philosophy, the paper presents a few steps for them to converge and the weaknesses to be redressed.*

## Pendahuluan

Kebanyakan negara Islam telah dijajah selama beberapa kurun oleh kuasa Barat, bermula pada awal abad ke 16 lagi. Negara-negara ini cuma mencapai kemerdekaan pada pertengahan kurun ke 20. Pada zaman penjajahan ini, sistem pendidikan digunakan sepenuhnya oleh pihak penjajah untuk mencapai agenda mereka yang tersendiri, termasuk menyebarkan fahaman sekular dan meminggirkan agama. Umat Islam terputus dari aliran wacana budaya mereka sendiri dan mengalami ketersisihan. Justeru itu tidaklah menghairankan kalau ramai cendekiawan Islam berhujah bahawa di antara pelbagai institusi sosial, sistem pendidikan merupakan tempat yang paling subur bagi pembiakan dan penyebaran fahaman sekular di kalangan umat Islam. Para intelektual Islam menyedari rancangan induk ini dan berusaha dalam pelbagai bentuk pada masa yang berlainan untuk menghentikan serangan intelektual dan agama ini. Gerakan *islah*, khususnya, di bawah pimpinan Jamaluddin al-Afghani dan seterusnya di bawah Abdul Abduh dan Abdul Rashid Ridha

Mereka meneruskan tradisi pengajaran al-Qur'an mengikut kaedah yang diwarisi daripada guru-guru sebelumnya. Meskipun kaedah sedia ada dapat memberi kesan, terutamanya dalam aspek membaca dan menghafaz, tetapi pelajar hari ini memerlukan kemahiran berfikir dan menilai, bagi menghadapi cabaran semasa yang kronik. Sedangkan ilmu pendidikan telah berkembang pesat, dan isu-isu mengenai keperluan umat Islam semakin kompleks dan rencam.

- iii. Meningkatkan kemahiran bahasa Arab kepada guru pendidikan al-Qur'an. Al-Qur'an adalah kitab suci yang diturunkan dalam bahasa Arab. Ianya merupakan mukjizat Rasulullah s.a.w yang teragong. Umat Islam diingatkan supaya merujuk kepada al-Qur'an bagi menjamin kesejahteraan mereka di dunia dan di akhirat. Adalah wajar, guru-guru al-Qur'an dapat mendalami bahasa al-Qur'an, bagi membolehkan mereka menyampaikan kandungan dan pengajaran al-Qur'an dengan lebih menarik dan berkesan. Melalui kemahiran bahasa, guru-guru dapat menjana dan menimba khazanah ilmu yang terkandung dalam al-Qur'an. Usaha ini tentunya dapat memberi kesan yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran guru.

## Penutup

Usaha mengembalikan umat kepada menghayati al-Qur'an perlu dipertingkatkan. Generasi pelajar kini yang terancam dengan pengaruh globalisasi, yang meresap masuk dari pelbagai sudut, kegawatan pengaruh budaya negatif di kalangan generasi muda perlu ditangani dengan bijaksana dan penuh hikmah. Pendidikan merupakan strategi yang paling berkesan bagi membina generasi al-Qur'an sebagai *'ibadul Rahman* yang dapat mencetuskan tamaddun manusia berasaskan pimpinan al-Qur'an.



di Mesir, mempengaruhi ramai pengikut daripada negara Islam yang lain yang menubuhkan gerakan reformasi sendiri seperti Muhammadiyah dan Kaum Muda di Indonesia dan Malaysia, dan *al-Ikhtwan al-Muslimun* dan *Jama'at Islami* di Mesir dan benua India. Usaha yang terkemudian dalam perjuangan ini dibuat melalui Persidangan Pertama Pendidikan Islam Sedunia yang diadakan di Makkah pada tahun 1977. Dalam semua usaha ini, pendidikan terus menjadi fokus.

Umat Islam menghadapi beberapa cabaran besar dalam pendidikan pada masa lampau dan kini. Pertama, cabaran dan ketiadaan falsafah pendidikan yang jelas dan kukuh untuk bertindak sebagai pedoman kepada amalan pendidikan. Kedua, umat Islam masih meraba-raba dalam kegelapan untuk mencari kurikulum yang sejua dengan falsafah Islam itu sendiri bagi menggantikan kurikulum pendidikan yang sekular dan mengkotak-katikan ilmu. Ketiga, cabaran untuk menyatakan sistem pendidikan dualistik iaitu antara sistem pendidikan kebangsaan yang di kebanyakan negara masih sekular, dan sistem pendidikan agama. Akhirnya, cabaran kekeliruan tentang konsep ilmu dan pendidikan yang mengakibatkan kekeliruan pula ke atas tatasusunan ilmu dan kehilangan penghormatan bagi golongan yang berilmu.

Kertas ini berhasrat untuk meneliti cabaran-cabaran tersebut dengan menganalisis kurikulum institusi pendidikan Islam di Malaysia. Kurikulum merupakan komponen pengajaran yang sangat penting, bahkan dianggap ratu bagi ilmu pendidikan. Ia mencerminkan falsafah pendidikan sesebuah institusi pendidikan, malahan ia merupakan mekanisme bagi mencapai matlamat institusi itu.

### **Kurikulum**

Istilah 'kurikulum' mempunyai berbagai makna yang menggambarkan perubahan konsepsi dan perbincangan yang berterusan tentang tujuan pendidikan, cara dan proses menerusi mana tujuan-tujuan ini dapat dicapai. Para pendidikan tradisional berpendapat bahawa kurikulum merujuk kepada satu kumpulan mata pelajaran yang dikenalpasti dan disediakan oleh guru bagi murid. Tyler melihat kurikulum dari pengertian yang luas sebagai "semua pembelajaran murid yang dirancang dan diarahkan oleh sekolah bagi mencapai matlamat pendidikannya."<sup>1</sup> Beliau menegaskan bahawa terdapat empat soal dasar yang mesti dijawab dalam pembinaan kurikulum. Soalan dasar itu adalah :

1. Apakah tujuan atau objektif pendidikan yang harus dicapai oleh sekolah?
2. Apakah pengalaman-pengalaman pendidikan yang harus disediakan yang besar kemungkinan dapat mencapai tujuan-tujuan ini?
3. Bagaimanakah pengalaman pendidikan ini boleh disusun dengan berkesan?

4. Bagaimanakah kita menentukan bahawa semua tujuan ini telah dicapai?<sup>2</sup>

Soalan dasar ini menyentuh empat komponen kurikulum iaitu, objektif, kandungan, kaedah dan penilaian pendidikan di peringkat umum dan objektif kandungan, kaedah dan penilaian di peringkat pengajaran dalam bilik darjah.

Smith, Stanley dan Shores mentakrifkan kurikulum secara konservatif sebagai satu kumpulan pengalaman-pengalaman berpotensi yang disediakan di sekolah bagi tujuan mendisiplinkan kanak-kanak dan remaja dengan cara pemikiran dan tindakan kumpulan.<sup>3</sup> Bagi universiti dan kolej pula, kurikulum merujuk kepada :

1. Misi atau tujuan sesebuah kolej atau program, atau pengungkapan secara jamaah tentang apa yang difikirkan penting dipelajari oleh pelajar.
2. Satu himpunan pengalaman yang dipercayai oleh sesuatu autoriti wajar dimiliki oleh semua pelajar.
3. Satu set kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar.
4. Satu set kursus-kursus yang dipilih oleh pelajar daripada sebilangan yang ditawarkan.
5. Kandungan sesuatu disiplin tertentu, dan
6. Struktur masa dan kredit bagi sesebuah kolej yang menawarkan pendidikan.<sup>4</sup>

Stark memberi satu definisi yang komprehensif lagi bersifat operasional bagi kurikulum. Ini meliputi :

1. Spesifikasi tentang ilmu, kemahiran dan sikap yang akan dipelajari;
2. Pilihan mata pelajaran atau kandungan yang melaluinya pengalaman pembelajaran akan disisipkan;
3. Suatu struktur atau pelan yang bertujuan untuk melahirkan hasil-hasil tertentu bagi pelajar yang berbeza kebolehan dan bakat;
4. Proses melalui mana pembelajaran dapat dicapai.
5. Peralatan dan bahan yang akan digunakan dalam proses pembelajaran;
6. Strategi penilaian bagi menentukan jika perubahan kemahiran, kelakuan, sikap dan ilmu berlaku hasil daripada proses; dan
7. Lingkaran maklumbalas yang dapat memudahkan pengubahsuaian dalam rancangan bagi meningkatkan pembelajaran<sup>5</sup>



Justeru itu kurikulum meliputi seluruh proses pembelajaran, dari menentukan matlamat dan objektif, membina kandungan yang relevan, memikirkan kaedah pengajaran, penilaian tentang keberkesannya sehinggalah kepada maklumbalas untuk memperbaikinya.

Perubahan kurikulum ditakrifkan pada umumnya sebagai perubahan kursus yang ditawarkan atau diwajibkan. Menurut Halliburton, alasan yang paling asas untuk melakukan reformasi dalam kurikulum adalah disebabkan keusangan kurikulum sedia ada. Ini berlaku kerana (a) peranan pendidikan berubah menurut keperluan sosial dan iklim semasa, (b) wujudnya aliran baru dalam sistem pendidikan tinggi sendiri, dan (c) sesuatu disiplin melalui anjakan paradigma, khususnya apabila andaian atau dasar yang mendokongnya selama ini berubah.<sup>6</sup> Oleh yang demikian, sudah tentunya perubahan besar dalam falsafah pendidikan akan mempunyai implikasi yang besar terhadap kurikulum.

### Menentukan Dan Memilih Matlamat Dan Objektif Pendidikan

Bagi menentukan matlamat dan objektif pendidikan, beberapa sumber boleh dikaji. Satu sumber utama ialah pelajar atau insan itu sendiri. Apakah tabiat insan dan apakah matlamat dan keperluannya dalam kehidupan? Ini boleh dirujuk kepada tasawwur masyarakat itu sendiri. Matlamat pendidikan boleh juga ditentukan dari sumber kedua, iaitu kehidupan masa kini. Memanglah sia-sia mempelajari sesuatu yang sangat penting dua puluh tahun yang lalu tetapi kini tidak penting lagi dan pada masa yang sama mengabaikan perkara-perkara penting hari ini. Bagaimanapun, matlamat ini boleh dikritik sebab (a) bukan semua aktiviti kontemporari itu baik dan diperlukan; (b) kehidupan sentiasa berubah dan aktiviti masa kini juga boleh jadi tidak relevan dan ditelan zaman; (c) sebahagian daripada aktiviti kontemporari itu tidak menarik buat kanak-kanak. Justeru itu, kehidupan kontemporari tidak boleh dijadikan satu-satunya sahaja penentu bagi menentukan matlamat dan objektif pendidikan. Satu lagi sumber yang sering dirujuk untuk menentukan objektif pendidikan ialah cadangan daripada pakar sesuatu mata pelajaran itu sendiri, iaitu fungsi vokasional ilmu itu dan sumbangannya kepada fungsi pendidikan.

Matlamat dan objektif pendidikan yang dapat dilahirkan daripada ketiga-tiga sumber ini lebih daripada cukup untuk digabungkan ke dalam program pendidikan. Kita tidak memerlukan matlamat yang banyak, memadai dengan sebilangan kecil sahaja sebab untuk mencapai matlamat ini yang melibatkan perubahan dalam diri dan jiwa insan-idealisme, sikap, tabi'at dan amalan, memerlukan masa yang panjang. Malahan, separuh daripada objektif ini mungkin tidak konsisten kerana

timbul daripada sumber yang berlainan. Bagi memilih sekumpulan objektif yang konsisten lagi penting memerlukan penyingkapan dan di sinilah letaknya kepentingan falsafah pendidikan dan falsafah sosial. Menurut Tyler, "falsafah pendidikan dan sosial dapat beroperasi sebagai penyingkapan yang memilih dan membuang objektif pendidikan. Intisarinya pernyataan falsafah berusaha untuk menakrifkan sifat kehidupan yang baik dan masyarakat yang baik"<sup>7</sup>. Misalnya, jika sesebuah masyarakat itu memandangi tinggi nilai-nilai moral, maka amat penting baginya menekankan objektif pendidikan yang bertujuan untuk membina nilai-nilai moral.

Satu lagi kaedah penyingkapan bagi tujuan yang serupa ialah dengan menggunakan ilmu psikologi pendidikan.<sup>8</sup> Misalnya, ilmu psikologi pendidikan dapat menjelaskan tentang objektif mana yang sesuai dengan tahap usia tertentu dibandingkan dengan tahap lain. Ia membolehkan perancang kurikulum membezakan antara perubahan perlakuan yang dapat dicapai melalui proses pembelajaran daripada yang tidak dapat dicapai dengan proses ini.

### Falsafah Pendidikan Islam

Seperti yang disebut sebelum ini, falsafah pendidikan merupakan penyingkapan utama bagi memilih dan membuang objektif pendidikan. Dalam bahagian ini falsafah pendidikan Islam akan disentuh sebelum membincangkan unsur-unsur kurikulum yang lain. Pendidikan membabitkan tiga unsur penting, iaitu pelajar (insan), ilmu dan kaedah untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar atau sebaliknya pelajar membina ilmu. Oleh itu sebelum sesuatu falsafah pendidikan dirangka, ahli pendidikan amat perlu mengetahui sifat insan (kerana pelajar itu seorang insan), sifat ilmu dan makna pendidikan. Insan terdiri daripada ruh dan jasad. Ruh merupakan fakulti rohani yang kadangkala juga disebut 'aql (akal), qalb (hati) dan nafs (jiwa) mengikut fungsi yang dimainkan. 'Aql adalah fakulti untuk berfikir yang dianugerahkan kepada insan sahaja dan tidak kepada makhluk lain. 'Aql lah yang meninggikan martabat insan ke sebaik-baik makhluk.<sup>9</sup> Jasad insan mengandungi beberapa fakulti selaras dengan pancaindera fizikalnya. Tabi'at insan berhubung pembelajaran menjadi subjek utama kajian psikologi. Kita maklum bahawa insan itu mempunyai daya ingin tahu yang tinggi dan bersifat fleksibel, dan boleh dilentur, khususnya pada usia yang muda. Insan juga memerlukan keperluan fizikal seperti keperluan makanan, aktiviti dan seks, keperluan sosial seperti keperluan untuk dikasihani, untuk keanggotaan dan status dalam kumpulan masyarakat, keperluan kerohanian iaitu, keperluan untuk berhubung dengan suatu yang lebih besar dan luar daripada dirinya, iaitu keperluan untuk berhubung dengan Pencipta.



Insan dianugerahkan oleh Allah dengan ruh dan pancaindera dan disediakan olehNya untuk menerima ilmu. Menurut al-Attas, ilmu ialah ketibaan makna sesuatu objek atau perkara.<sup>10</sup> Dengan ini jelaslah bahawa ruh itu tidak pasif tetapi juga tidak aktif. Wahyu dan ilham diterima melalui ruh. Lima (panca) indera fizikal itu merupakan tingkap kepada minda (*‘aql*), terutama untuk ilmu empirikal dan rasional. Dalam tasawwur Islam, wujud satu struktur ilmu yang berhirarki. Seperti juga kejadian sifat insan, ilmu juga memiliki dua kategori, ilmu *naqliyyah* atau *fardhu ‘ain* dan ilmu *‘aqliyyah* atau *fardhu kifayah*. Kategori ini selaras dengan tahap keyakinan ilmu dan kaedah pemerolehannya yang berbeza. Ilmu *fardhu ‘ain* bersifat finit, tentu dan wajib dipelajari oleh setiap individu Muslim. Ia adalah ilmu tentang rukun Islam, rukun iman dan syari‘ah. Ilmu *fardhu kifayah* pula wajib dipelajari oleh segolongan anggota dalam sebuah masyarakat kerana penting demi kelangsungan dan kehidupan umat. Ilmu ini begitu luas, meliputi antara lain perubatan, matematik, sains tabii dan gunaan dan sains sosial. Melalui hirarki ini, Islam memastikan bahawa setiap individu itu berpangkalakan ‘aqidah sementara ia meneroka ufuk baru.

Hubungan antara ‘aqidah dan ilmu dapat dikiaskan kepada permainan layang-layang, di mana ‘aqidah dikiaskan kepada tali layang sementara ilmu dikiaskan kepada layang itu sendiri. Ketegangan sentiasa mendampingi tali dan layang untuk penerbangan yang baik. Begitu juga akan wujud ketegangan antara ‘aqidah dan ilmu tetapi yang nyata ilmu itu bertunjangan ‘aqidah yang kukuh.<sup>11</sup> Jika ‘aqidah rosak, ilmu tidak berhaluan sepertimana layang yang terbang bebas seketika apabila putus tali dan akhirnya jatuh ke bumi juga. Dalam tasawwur Islam yang mendokong fahaman Tauhid, ilmu dianggap holistik dan mempunyai kesatuan. Tidak wujud pemisahan antara bidang agama dan sekular, ilmu dan iman, ilmu dan nilai dan sebagainya.<sup>12</sup> Kedua-dua ilmu *fardhu ‘ain* dan *fardhu kifayah* mempunyai satu tujuan iaitu mengukuhkan ‘aqidah, satu melalui pengajian yang teliti akan Kalimat Allah dalam al-Qur‘an dan satu lagi melalui penelitian yang sistematis terhadap alam manusia dan alam tabi‘i. Sifat ilmu yang merupakan kandungan kepada pendidikan adalah perkara yang diambil berat oleh kurikulum. Justeru itu pemikiran tentang sifat insan dan sifat ilmu mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pendidikan.

Pendidikan (*ta’dib*, separuh memilih *tarbiya*) adalah satu proses penerapan adab ke dalam insan.<sup>13</sup> Adab merujuk kepada disiplin jasmani, akal dan rohani. Ia mengurniakan pemilikinya dengan kedudukan yang tepat bagi sesuatu perkara atau objek (*hikmah*) dan selanjutnya untuk bertindak dengan adil. Al-Attas memberi

satu takrif pendidikan yang mensabitkan dengan ‘aqidah. Menurut beliau pendidikan ialah penitisan tentang “pengenalan dan pengiktirafan tempat yang benar bagi sesuatu perkara dalam susunan alam, supaya membawa kepada pengenalan dan pengiktirafan akan kedudukan yang tepat bagi Pencipta dalam susunan wujud dan maujud,<sup>14</sup> yang dilakukan secara beransur-ansur ke dalam insan. Dari ta‘rif ini kita dapat tafsirkan bahawa matlamat utama pendidikan Islam ialah untuk memimpin insan mengenali dan mengiktiraf Penciptanya. Mengenali Pencipta sahaja belum cukup sehingga Ia diiktiraf. Pengiktirafan dimanifestasikan dalam pengabdian dan ketaatan kepada suruhanNya. Dengan kata lain, matlamat utama pendidikan Islam ialah untuk melahirkan insan yang baik, yang menerusi perkembangan segala potensinya secara seimbang, membolehkannya menjadi hamba dan khalifah Allah yang berkesanggupan memikul amanah mensejahterakan bumi. Pendidikan dirancang untuk melahirkan hamba Allah yang bertakwa yang menyedari hubungan dan tanggungjawab individu yang menegak dengan Allah (*hablu min al Lah*) dan hubungan dan tanggungjawab kemasyarakatan yang mengufuk sesama manusia (*hablu min al-Nas*). Kesimpulannya, pendidikan dalam Islam berusaha untuk mengembangkan potensi kerohanian, akhlak, kemasyarakatan, intelektual dan jasmani untuk matlamat yang jelas. Tidak wujud konflik di antara matlamat individu dan matlamat masyarakat sebab kedua-duanya mempunyai kesatuan tujuan.

### Hubungan Antara Insan, Ilmu Dan Kurikulum

Sepertimana ilmu mencerminkan insan, begitu juga idealnya kurikulum institusi pendidikan Islam, khususnya pendidikan tinggi, seharusnya melambungkan ilmu. Sepertimana insan memiliki dwi tabi‘i ruh dan jasad, dan ilmu terbahagi kepada dwikategori sebagai pelambangan insan, kurikulum pendidikan Islam juga seharusnya mencerminkan kedwian sifat ilmu. Justeru itu kurikulum seharusnya memiliki satu pusat atau teras yang terdiri dari ilmu *fardhu ‘ain* yang memenuhi keperluan kerohanian individu, dikelilingi oleh ilmu *fardhu kifayah* bagi memenuhi keperluan fizikal dan intelektual yang penting untuk pembangunan masyarakat. Kedua-dua ilmu adalah penting bagi kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Keseimbangan di antaranya mestilah dipertahankan. Selaku ilmu pusat atau teras, ilmu *fardhu ‘ain* hendaklah diwajibkan bagi semua pelajar di setiap tahap pendidikan. Bagaimanapun bagi ilmu *fardhu kifayah*, pelajar dikehendaki untuk menjurus dalam sekurang-kurangnya satu bidang.



### Masalah Dengan Kurikulum Institusi Pendidikan Di Malaysia

Masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan institusi pendidikan Islam ialah pada hakikatnya tidak wujud hubungan antara insan, ilmu dan kurikulum seperti yang telah dikupas. Kebanyakan institusi di negara Islam meminjam keseluruhan atau sebahagian daripada kurikulumnya daripada Barat yang mendokong falsafah sekularnya. Dalam kebanyakan kes model yang ditiru bercorak sekular, tidak mempunyai pusat atau teras, dan tidak juga mencerminkan ilmu atau insan. Kesannya ialah pemetakan pelbagai cabang ilmu seperti sains tabi 'i, sains sosial, sains gunaan, sains kemanusiaan dan sains *fardhu 'ain* tanpa sebarang pusat untuk mengikat dan menyatukan kesemuanya. Setiap petak ilmu mempertahankan kemerdekaannya sehingga akhirnya mengeneppikan 'aqidah untuk dijadikan teras bagi ilmu tersebut.

Ketandusan ilmu *fardhu 'ain* sebagai teras akan memudahkan timbulnya cerdik pandai yang angkuh dan tidak bersyukur terhadap Khaliquya. Akibatnya manusia akan melampaui batas hukum alam yang akhirnya menghancurkan alam sekitar dan diri sendiri. Ini bercanggah dengan amanah yang dipikul selaku *khalifah* di bumi. Ini amatlah dikesali kerana universiti di Amerika Syarikat sekalipun yang mendokong kurikulum Pendidikan Umum untuk melahirkan insan yang baik, iaitu insan yang boleh membuat keputusan yang tepat<sup>15</sup> pun mempunyai kurikulum teras atau asas. Kurikulum teras ini meliputi (a) kesusasteraan dan kesenian, (b) sejarah, (c) analisis sosial dan falsafah, (d) sains dan matematik, dan (e) bahasa dan budaya asing. Ini memberikan pendidikan yang lebih menyeluruh dan mempunyai matlamat melahirkan insan berpendidikan yang sewajarnya (a) dapat berfikir dan menulis dengan berkesan, (b) dapat menghargai secara kritis cara-cara kita memperoleh ilmu dan kefahaman tentang alam, masyarakat dan manusia, (c) berpengetahuan tentang budaya dan zaman lain, (d) mempunyai sedikit kefahaman dan pengalaman tentang masalah moral dan akhlak, dan (e) telah mencapai sedikit kedalaman dalam sesuatu bidang ilmu.<sup>16</sup>

Walaupun kebanyakan universiti di Malaysia mempunyai teras, teras ini yang meliputi pengajian Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Tamadun Islam (kini telah pun dikaji semula untuk menjadi Tamadun Asia) dipilih berdasarkan pertimbangan pragmatik dan bukan tradisi keilmuan. Di sudut yang lain pula, pelajar dari fakulti pengajian Islam pula tidak diwajibkan untuk memperolehi ilmu dalam sains tabi 'i dan kemanusiaan yang amat perlu bagi memahami dan memecahkan masalah dalam kehidupan kontemporari. Ini tidak membuka ruang untuk pendokong ilmu ini menjadi semakin terbuka dalam pemikiran dan membolehkan ijhtihad yang bermakna dan relevan. Kita khuatir akan berlaku

perubahan ke arah kesempitan pemikiran seperti mana perubahan istilah fiqh kepada makna dan skop yang lebih sempit di zaman al-Ghazali.<sup>17</sup> Penumpuan kepada pengajian agama sahaja belum mampu untuk melengkapkan seseorang individu itu dengan ilmu dan kemahiran yang perlu bagi menghadapi cabaran hidup masa kini, termasuklah mempertahankan 'aqidah, nyawa dan harta. Keadaan ini bukan berlaku di universiti sahaja malah dalam sistem persekolahan. Terdapat banyak lagi kurikulum sekolah agama khususnya yang didirikan oleh individu atau pertubuhan bukan kerajaan yang memusatkan perhatian kepada ilmu *fardhu 'ain* sahaja dan mengabaikan ilmu *fardhu kifayah* walaupun memahami kepentingan kesepaduan ilmu. Mungkin kerana ini berlaku disebabkan kos yang lebih tinggi untuk menampung pengajian sains tabi 'i dan teknikal yang tidak dapat ditampung oleh pengasas sekolah. Akhirnya, ini akan meneruskan ketidakseimbangan dan ketidaksepaduan iman.

Kesan daripada falsafah pendidikan yang kabur, kita dapati bahawa walaupun ilmu *'aqliyah* ditawarkan dalam kurikulum ia masih didedahkan menggunakan pendekatan sekular. Ilmu ini ketiandusan nilai rohani dan jika pun tidak, didokongi oleh nilai-nilai yang biasanya tidak selari dengan kepercayaan dan nilai-nilai Islam. Dalam jangka masa panjang, nilai-nilai asing akan disemai ke dalam jiwa kanak-kanak Islam. Pemilihan subjek bagi kurikulum khususnya untuk pengajian tinggi ketara sekali didorong dengan kuat oleh matlamat utilitarian dan pragmatik daripada matlamat pendidikan Islam. Penekanan yang berlebihan untuk sains tabi 'i dan gunaan berbanding dengan sains kemanusiaan dan sains sosial dalam nisbah 60:40 di universiti-universiti di Malaysia adalah manifestasi dari dasar ini. Dasar ini memang sesuai untuk melahirkan tenaga kerja untuk zaman ini tetapi belum menjamin kepekaan dan daya pemikiran sesuai dengan keperluan dan kerukunan masyarakat. Dasar ini akan bertambah berbahaya jika pelajar pula tidak dikukuhkan dengan ilmu teras dan cara berfikir yang matang.

Kurikulum masa kini belum mampu menyediakan pengalaman pembelajaran yang jitu, sesuai dan mencukupi bagi pelajar supaya objektif pendidikan selain daripada objektif pembangunan intelektual dan jasmani dapat dicapai. Contohnya, berkaitan dengan pembangunan rohani, walaupun pelajar diajar kepentingan solat, cara-cara untuk mendirikannya, waktu-waktunya dan sebagainya, kurikulum sekolah secara tidak langsung tidak menggalakkan pelajar mendirikan sembahyang sebab ia tidak ditentukan dalam jadual waktu, tidak diaturkan peraturan tertentu atau dalam beberapa kes tidak disediakan kemudahan fizikal. Dalam banyak keadaan ia bergantung kepada kemahuan pelajar dan ada sebahagian daripada mereka yang tidak berani untuk meminta izin keluar kelas untuk bersembahyang. Perkara ini



amat mustahak bagi pelajar yang menghadiri kelas sesi petang kerana mereka bertanggungjawab melaksanakan sembahyang Zuhur dan Asar di sekolah. Pada dasarnya ketinggian nilai moral lebih banyak dikehendaki daripada diamalkan. Pengalaman pembelajaran juga tidak menyediakan ruang untuk kegiatan amali seperti melawat orang miskin, kurang bernasib baik ataupun sakit. Cuma sekali sekala sahaja sekolah melancarkan kutipan derma untuk tujuan kebajikan. Sepatutnya sekolah mengawasi murid miskinnya dan membuat kutipan bulanan untuk membiayai persekolahan dan kebajikan mereka dalam usaha untuk menggalakkan pelajarinya menjadi insan yang mempunyai sikap penyayang dan saling tolong menolong. Ketidaktepatan kurikulum kita terhadap perbezaan jantina adalah satu lagi manifestasi pengaruh liberal Barat. Keperluan pelajar yang berbeza kerana berlainan jantina dan peranan tidak diberi perhatian. Andainya al-Qur'an dan al-Sunnah Nabi Muhammad saw menjadi titik rujukan, pasti kehormatan, peranan dan martabat wanita akan diberi perhatian dan ditekankan dalam kurikulum sepertimana juga tanggungjawab besar seorang lelaki selaku pemberi nafkah dan pelindung bagi golongan wanita dan anggota keluarga. Peningkatan gejala sosial yang satu daripada punca utamanya ialah keruntuhan institusi keluarga dan kekurangan bilangan pelajar lelaki di peringkat pengajian tinggi masih belum mencemaskan pengubah dasar pendidikan kita. Tidak hairanlah kelak jika ramalan Toffler tentang keluarga "ganjil" Gelombang Ketiga (era teknologi maklumat) menjadi kenyataan di negara Islam juga.

Penelitian ringkas tentang kurikulum mendedahkan antara lain, bahawa kurikulum kebanyakan negara Islam telah disekularkan dan ini bukan sahaja berlaku ke atas kurikulum formal, malahan kurikulum tak formal seperti aktiviti ko-kurikulum, kurikulum tersirat seperti cara sekolah ditadbir dan kurikulum nuli itu, apa yang tidak boleh diadakan di sekolah. Jelas juga kepada kita betapa objektif pendidikan bukan disaring oleh falsafah pendidikan kita sendiri tetapi oleh falsafah pendidikan barat yang sekular dan liberal. Tatasusunan ilmu antara ilmu *fardhu 'ain* dan ilmu *fardhu kifayah* tidak berlaku walaupun di sekolah agama itu sendiri. Ini adalah satu kesilapan asas dalam pentadbiran pendidikan Islam. Oleh itu terdapat keperluan yang sangat mendesak bagi mengembalikannya kurikulum kita ke landasan yang betul.

### **Kurikulum Pendidikan Dari Perspektif Islam**

Satu langkah penting ke arah kurikulum yang mempunyai ruh Islam ialah memastikan bahawa semua sumber bagi memperoleh matlamat dan objektif pendidikan hendaklah timbul dan tasawwur Islam, sama ada sifat insan, ilmu atau pengkhususan, atau kehidupan kontemporari. Al-Qur'an dan al-Sunnah sewajarnya

menjadi sumber rujukan utama untuk memahami sifat insan dan ilmu. Selain daripada itu, hasil dan kajian empirikal, terutama mengenai psikologi pembelajaran dan insan harus dimanfaatkan sebagai pelengkap.

Seterusnya, perumusan suatu falsafah pendidikan berdasarkan tasawwur Islam adalah amat mendesak untuk bertindak sebagai pemandu pendidikan bagi negara, pimpinan sekolah, guru, ibu bapa dan pelajar. Matlamat dan objektif yang jelas hendaklah diperincikan. Ini akan bertindak sebagai Petunjuk Utama dalam sebuah kompas pendidikan dan amat penting bagi memastikan seluruh usaha pendidikan mengarah ke satu matlamat dan bukan terumbang-ambing mencari arah. Konsep '*abd* dan *khalifah* hendaklah dijelmakan dalam bentuk yang boleh diukur dan dinilai. Mereka yang terlibat dalam merangka dasar dan kurikulum hendaklah sedar akan kepentingan konsep ini. Ini bukan bermakna bahawa kurikulum pendidikan Islam cuma terbatas kepada umat Islam sahaja tetapi kerana kesejagatan Islam, pendidikan Islam juga boleh diamalkan dan boleh menampung semua bangsa.

Dalam hal ini Persidangan Pendidikan Islam Sedunia Pertama harus dipuji kerana berhasil mengeluarkan satu kenyataan falsafah pendidikan Islam yang mengungkap matlamat yang jelas :

*"Mengembangkan secara seimbang keseluruhan peribadi insan melalui melatih rohani, intelek, rasional, perasaan dan panca inderanya. Latihan yang diberi kepadanya hendaklah berkeadaan supaya iman meresap dalam keseluruhan peribadi insan dan menambat hatinya kepada Islam dan membolehkannya menurut al-Qur'an dan al-Sunnah dan diperintah oleh sistem nilai Islam secara sukarela dan gembira supaya ia boleh merealisasikan statusnya sebagai Khalifatullah yang Allah telah dijanjikan autoriti alam ini."*<sup>18</sup>

Pengubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sepuluh tahun kemudian adalah satu langkah yang amat bersejarah kerana ia menyanggah falsafah sekular dari takhta persemayamannya selama ini dan sebaliknya diganti dengan falsafah pendidikan yang seimbang dan bertunjangkan 'aqidah. Ia mengaskan sejalannya matlamat ingin melahirkan individu yang seimbang dan sepadu pembangunannya dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi dan warganegara Malaysia yang berilmu, berakhlak mulia, berketrampilan dan berguna kepada dirinya dan masyarakatnya.<sup>19</sup> Tetapi, walaupun ini merupakan Falsafah Pendidikan



Kebangsaan, cuma sistem pendidikan sekolah rendah dan menengah sahaja yang nampaknya berusaha menjelmakan falsafah ini dalam kurikulumnya. Institusi pengajian tinggi nampaknya memandang sepi pada falsafah ini kerana tidak terdapat pun perubahan kurikulum berdasarkannya.

Ketiga, kurikulum universiti dan sekolah harus mencerminkan falsafah pendidikan, bahkan menjadi mekanisme bagi mencapai matlamat falsafah tersebut. Khususnya, hirarki ilmu antara ilmu *fardhu 'ain* dan ilmu *fardhu kifayah* harus dipertahankan dalam kurikulum. Ilmu *fardhu 'ain* mesti menjadi teras atau asas. Beberapa kursus yang terdiri dari disiplin ilmu ini hendaklah dijadikan syarat graduasi bagi semua pelajar Islam dan semua pengkhususan. Sudah tentu pendekatan pengajaran kursus-kursus ini berbeza daripada pendekatan yang diamalkan di sekolah kerana pelajar universiti lebih berkeupayaan berfikir dan merenung dengan mendalam. Begitu juga beberapa kursus dan ilmu *fardhu kifayah* mewakili disiplin sains tabi 'i, sains kemanusiaan dan sains sosial hendaklah dipilih sebagai ilmu teras. Dalam konteks Malaysia, perkara ini belum dilaksanakan dalam kebanyakan universiti. Satu-satunya kursus yang pernah ditawarkan pada satu ketika di semua universiti ialah Tamadun Islam yang kini diubah menjadi kursus Tamadun Asia. Ini amatlah dikesalkan kerana apabila al-Faruqi mencadangkan kursus tersebut semasa lawatannya ke Malaysia pada tahun 80an, kursus ini cuma dibayangkan sebagai satu langkah sementara jangka pendek ke arah proses mengubah kurikulum ke arah yang lebih Islami. Justeru itu pihak universiti hendaklah menilai semula dasar ini.

Satu langkah praktikal yang boleh diambil dalam usaha merubah kurikulum supaya lebih bersesuaian dengan ruh Islam ialah penghapusan sistem pendidikan dualistik. Sebagai ganti, satu sistem pendidikan bersepadu, di mana kedua-dua ilmu *naqliyah* dan *'aqliyah* perlu diwujudkan. Dengan ini pelajar sekolah mempunyai peluang sama rata untuk mengkhusus dalam mana-mana disiplin dari kedua-dua bidang ilmu sebagai persediaan untuk peringkat pengajian tinggi mengikut kebolehan dan minat mereka. Jika sistem dualistik ini tidak dapat dihapuskan secara fizikal, sekurang-kurangnya sistem ini hendaklah digalakkan untuk menggunakan pakai kurikulum bersepadu yang seragam. Dalam konteks Malaysia, Kementerian Pendidikan telah mewujudkan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama pada tahun 1977 yang berhasrat menggunakan kurikulum bersepadu yang membolehkan pelajarinya mengambil pengkhususan sama ada dalam bidang ilmu *fardhu 'ain* atau pun ilmu *fardhu kifayah* mulai di peringkat menengah atas. Walaupun idea kurikulum bersepadu ini dianggap sepi oleh sekolah agama lain yang ditaja oleh individu atau kerajaan negeri, aliran semasa menunjukkan mereka juga mula

mengarah kepada pendidikan bersepadu mengikut model SMKA. Bahkan, Kementerian Pendidikan kini mula memperkenalkan aliran teknikal di sekolah agamanya. Di samping itu, Kementerian juga memperkenalkan Kelas Aliran 'Arab di sekolah menengah kebangsaan bagi membanyakkan peluang bagi pelajar yang tidak terpilih ke SMKA mengkhusus dalam ilmu *fardhu 'ain* selepas tingkatan tiga. Bagaimanapun, semua usaha ini masih belum mencukupi terutamanya dalam usaha untuk melahirkan sarjana dalam bidang ilmu *fardhu 'ain* sebab kurang penguasaan Bahasa 'Arab yang merupakan alat utama dalam bidang ini. Justeru itu usaha hendaklah digiatkan untuk mengukuhkan penguasaan alat ini melalui pengenalan Bahasa 'Arab lebih awal lagi dalam kurikulum. Kementerian telah pun menjalankan satu kajian perintis untuk memperkenalkan Bahasa 'Arab di sekolah rendah. Pada zahirnya kurikulum kedua-dua sistem pendidikan agama dan kebangsaan semakin menghampiri satu titik pertemuan. Mungkin masanya tidak lama lagi sebelum identiti sekolah agama dikaitkan dengan ilmu *fardhu 'ain* sahaja dan identiti sekolah kebangsaan dengan ilmu *fardhu kifayah* sahaja akan cair dan hapus. Bagaimanapun identiti ini mungkin sukar dikikis dari sekolah agama rakyat kerana ketidakmampuan mendokong ilmu sains tabi 'i peringkat tinggi.

Kurikulum institusi pendidikan – formal, tersirat dan nul – hendaklah disepadukan dengan tasawwur Islam yang mendokong Keesaan Allah. Kurikulum hendaklah dikukuhkan dengan konsep Islam berikut :

- a. Pandangan Islam terhadap Pencipta (Tauhid, iman dan sifat Allah)
- b. Penciptaan manusia dan tujuannya iaitu untuk menyembah Allah, menjadi khalifahNya, mengajak kepada ma' ruf dan mencegah mungkar, dan menyebarkan ajaran Islam
- c. Hubungan manusia dengan Tuhan, iaitu kesedarannya terhadap Allah, akauntabilitinya terhadap Allah, melakukan amalan baik, menyembah dan berdoa kepadaNya.
- d. Hubungan manusia dengan manusia lain iaitu untuk menegakkan keadilan, menghormati nyawa, harga dan maruah, membina akhlak mulia dan mempamerkan sikap toleransi agama.
- e. Hubungan manusia dengan persekitaran yang menekankan peranannya sebagai khalifah Allah, hidup secara harmoni dengan makhluk Allah dan mengenali atau menemui Allah melalui makhlukNya.
- f. Pembangunan diri, iaitu menyediakan ruang untuk bermuhasabah, bertaubat dan memperbaiki diri.



g. Tujuan akhir insan, yaitu untuk menggalakkan akauntabiliti menerusi penilaian peranan kim, memahami Hari Kiamat dan Kehidupan Akhirat dan implikasinya.

h. Mengembangkan tatasuila (*ethos*) Islam supaya dapat membina persekitaran yang sejiwa dengan Islam.<sup>20</sup>

Dalam konteks Malaysia, Kementerian Pendidikan memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988 sebagai mekanisme untuk mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Satu daripada prinsip yang penting dalam KBSM ialah penerapan nilai-nilai murni merentasi kurikulum. Kementerian menyenaraikan 16 nilai sejagat yang boleh diterima oleh pelbagai kelompok agama di Malaysia. Berbanding dengan konsep Islam yang tersenarai sebelum ini, jelas sekali 16 nilai-nilai ini yang lebih berupa nilai kemasyarakatan, belum mencukupi untuk mengukuhkan iman dan nilai Islam. Justeru itu, usaha hendaklah ditambah dengan menyepadukan konsep dan nilai Islam dalam sebagai subjek yang diajar kepada pelajar Islam. Pendekatan yang menggabungkan penyepaduan menerusi subjek pula bukannya mudah bagi semua mata pelajaran khususnya sains jitu (*exact sciences*) seperti matematik dan perakaunan. Justeru itu kita syorkan guru melaksanakan penyerapan nilai dan konsep ini dengan menggunakan hikmah. Dalam KBSM pendekatan yang digunakan untuk menanam nilai di kalangan pelajar bukan Islam ialah melalui Pendidikan Moral. Apakah yang tersirat dalam falsafah pendidikan moral dan adakah kaedah ini bersesuaian dengan FPK? Perancang kurikulum hendaklah mengkaji ini semula kerana Pendidikan Moral diasaskan atas andaian bahawa nilai-nilai murni lahir daripada sistem sosial dan bukan daripada kuasa Yang Mutlak. Kedua, pengajaran pendidikan moral secara begini tidak dapat menghubungkan pelajar kepada Pencipta dan ini bertentangan dengan semangat FPK dan juga Rukunegara sendiri. Kita khuatir dengan kaedah yang mengagungkan intelek semata-mata, pelajar kita akan mula mengkritik agama dan tradisi ke tahap keterlaluan sehingga mencapai ketidakpercayaan lagi.

Pentadbir pendidikan dan pendidik dan semua peringkat pendidikan haruslah menyediakan pengalaman pembelajaran yang sesuai khususnya bagi perkembangan akhlak dan rohani. Kaedah pengajaran yang berkesan harus diuji dan pendidik hendaklah lebih kreatif dan inovatif. Kaedah yang berkesan bagi kedua-dua ilmu *aqiyah* dan *naqliyah* hendaklah diamalkan dan pemikiran kritis seperti yang dituntut dalam al-Qur'an khususnya terhadap kejadian alam hendaklah disuburkan. Perlu ada keseimbangan antara pendekatan pemusatan pelajar dan pemusatan subjek. Dalam hal ini satu pendekatan terhadap pendidikan guru yang konsisten dengan

falsafah pendidikan hendaklah diwujudkan.<sup>21</sup> Program pendidikan guru harus menekankan pembentukan peribadi guru dan kurikulum yang memberi ruang yang lebih sedikit kepada falsafah moral, kesuasasteraan berunsurkan akhlak, penelitian literatur agama yang sesuai untuk tema-tema akhlak, dan perbandingan agama. Guru adalah unsur kritikal dalam sebarang pembaharuan pendidikan, mereka harus tahu dan dapat membayangkan sendiri arah pembaharuan itu. Dalam konteks Malaysia, program pendidikan guru menekankan kemahiran berfikir dan teknologi maklumat di samping ilmu pedagogi tetapi kurang penekanan terhadap perkara yang kita sebutkan di atas yang lebih sesuai dengan FPK.

Penilaian, satu lagi komponen kurikulum merupakan mekanisme yang sangat kukuh bagi menjelaskan objektif pendidikan. Ia adalah satu "proses untuk mengukur sejauh mana pengalaman pembelajaran yang dibina dan disusun benar-benar dapat melahirkan hasil yang dikehendaki dan proses penilaian ini melibatkan pengenalpastian kekuatan dan kelemahan perancangan".<sup>22</sup> Penilaian juga ialah "proses untuk menentukan darjah perubahan perlakuan yang sebenarnya berlaku".<sup>23</sup> Oleh itu penting bagi kita menolak idea bahawa penilaian itu sama dengan ujian kertas dan pensil. Penilaian juga merupakan satu faktor yang kuat untuk mendorong pembelajaran. Bentuk penilaian dijangka mempengaruhi cara pembelajaran pelajar, malahan aspek yang ditekankan guru. Justeru itu, "kecuailiah bentuk penilaian seiring dengan objektif pendidikan dalam kurikulum, penilaian mungkin menjadi fokus pelajar dan juga perhatian guru dan bukannya objektif kurikulum".<sup>24</sup> Inilah yang berlaku dalam sistem pendidikan kini di mana tumpuan masyarakat terpukau kepada keputusan peperiksaan iaitu bilangan gred A yang dirangkul oleh pelajar padahal kita menjangkakan sedikit perubahan dalam perlakuan pelajar kerana inilah objektif pendidikan. Malangnya ada pelajar yang berjaya dengan cemerlang dalam ujian kertas dan pensil khususnya dalam pendidikan moral dan agama tetapi masih belum dapat mempamerkan perlakuan moral yang dijangka. Justeru itu kurikulum sekolah dan program latihan guru patut dikaji semula oleh pakar pendidikan dari sudut pengalaman pembelajaran yang disediakan dan bentuk penilaian yang lebih seimbang.

## Penutup

Dalam kertas ini saya telah menggariskan masalah yang terdapat dalam kurikulum institusi pendidikan Islam pada masa ini. Perancang pendidikan kita harus lebih sensitif kepada isu-isu ini dan memiliki visi dan keberanian untuk melakukan perubahan kurikulum. Ini sangat penting bagi kekuatan 'aqidah dan umat Islam. Bagaimanapun, perubahan kurikulum tidak seharusnya berlaku secara *adhoc* sebagai reaksi kepada suatu situasi kontemporari semata-mata, seperti halnya



dengan idea sekolah bestari atau sesuatu kepentingan politik dan ekonomi, seperti halnya dalam meningkatkan tempoh pembelajaran di universiti daripada 4 kepada 3 tahun. Seperti yang telah dijelaskan ketiga-tiga sumber objektif pendidikan hendaklah diberi perhatian. Kertas ini telah menyarankan beberapa garisan untuk melahirkan kurikulum yang secukup dengan Islam, bermula dengan falsafah pendidikan, pengalaman pembelajaran dan bentuk penilaian. Bagaimanapun semua ini masih belum mencukupi. Sekiranya perancang dan pakar pendidikan diamanahkan dengan tugas merombak dan melaksanakan kurikulum, maka sarjana kita juga mempunyai tanggungjawab yang sama-sama berat bagi memastikan kejayaan usaha terhadap kurikulum berjiwa Islam. Tugas berat dan mencabar yang harus dipikul oleh sarjana kita dari segenap disiplin khususnya ilmu *'aqliyyah* adalah Islamisasi ilmu kontemporari. Harapan kita terletak pada proses Islamisasi ilmu kontemporari, kurikulum dan pendidikan bagi menghasilkan peribadi Islam yang unggul.

*Wallahu a' lam.*

#### Nota

- <sup>1</sup> Ralph W. Tyler, 'The Curriculum - Then and Now,' in *Proceedings of the 1956 Invitational Conference on Testing Problems* (Princeton, N.J. : Educational Testing Service, 1957), 79 quoted in Daniel Tanner and L.N. Tanner, *Curriculum Development Theory into Practice* (New York : Macmillan Publishing Co, 1980), Hal. 16
- <sup>2</sup> Ralph W. Tyler, *Basic Principles of Curriculum and Instruction* (Chicago: University of Chicago Press, 1975), Hal. 1
- <sup>3</sup> Othanel B. Smith, W.O. Stanley and J.H. Shores, *Fundamental of Curriculum Development*, rev.ed. (New York: Harcourt, 1957)
- <sup>4</sup> Stark, J.S. and Lowther, M.A., *Designing the Learning Plan : A Review of Research and Theory Related to College Curriculum* (Ann Arbor, MI: NCRIPAL, 1986), Hal. 4
- <sup>5</sup> *Ibid.*, Hal. 5-6
- <sup>6</sup> D. Halliburton, Perspectives on the Curriculum. In A.W. Chickering, D. Halliburton, W.H. Bergquist, & J. Lindquist (eds) *Developing the College Curriculum* (Washington D.C.: Council for the Advancement of Small Colleges,

1977), Hal. 37-50

<sup>7</sup> Tyler, *Basic Principles of Curriculum and Instruction*, Hal. 34

<sup>8</sup> *Ibid.*, Hal. 37

<sup>9</sup> Rujuk al-Qur'an 95:4

<sup>10</sup> Penulis ingin mengucapkan penghargaan kepada Dr. Yedullah Kazmi, dan Jabatan Pendidikan UIAM atas kiasan ini.

<sup>11</sup> Lihat Al-Attas, *The Concept of Education in Islam* (Kuala Lumpur:ISTAC, 1990) yang menerangkan dengan jelas akan konsep insan, ilmu dan pendidikan.

<sup>12</sup> Untuk perbincangan lebih lanjut mengenai kesatuan ilmu, rujuk Wan M. Nor Wan Daud, *The Concept of Knowledge in Islam* (London: Mansell, 1991), bab 4

<sup>13</sup> Al-Attas, *The Concept of Education in Islam*.

<sup>14</sup> *Ibid.*, Hal. 22

<sup>15</sup> Robert E. Mason, *Contemporary Educational Theory* (New York: David McKay, 1972), Hal. 26

<sup>16</sup> Daniel Tanner and L.N. Tanner, *Curriculum Development*, Hal. 510

<sup>17</sup> Al-Ghazzali pernah membincangkan isu perubahan makna istilah fiqh pada zaman beliau. Lihat *The Book of Knowledge*, terj. Nabih Amin Fans (Lahore: Ashraf, 1974), 80-83, dan al-Faruqi, dalam karyanya *Islamization of Knowledge* (Washington DC:IIIT, 1982), Hal. 17-18

<sup>18</sup> S.M. Naquib al-Attas (ed), *Aims and Objectives of Islamic Education* (Jeddah: King Abdulaziz University, 1979), Hal. 158-9

<sup>19</sup> Curriculum Development Centre, *The Integrated Curriculum for Secondary School* (ICSS) (Kuala Lumpur: Ministry of Education, 1989), Hal. V

<sup>20</sup> Kertas edaran dari Persidangan Pendidikan Islam Sedunia Keenam di Capetown, Afrika Selatan, 19-25 September 1996.

<sup>21</sup> Lihat Rosnani Hashim, Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Aspek Pengajaran dan Pembelajaran KBSM dari Perspektif Guru, *Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Penilaian KBSM*, Institut Aminuddin Baki, 2-6 September 1996.



<sup>22</sup> Lihat Rosnani Hashim, *The construction of an Islamic based teacher education programme, Muslim Education Quarterly*, 2 (Winter 1997), Hal. 57-68

<sup>23</sup> Program pendidikan guru UIAM memberi perhatian berat terhadap kedua-dua aspek peribadi guru ini melalui program *halaqah* dan khemah ibadah. Dalam *halaqah*, pelajar dalam kumpulan lebih kurang 10 orang bertemu seminggu sekali selama 1 jam pada waktu yang ditetapkan dalam jadual waktu bagi membincangkan topik-topik *Ulum Syari'ah* yang disusun oleh Jabatan dan juga untuk kaunseling kumpulan. Dalam khemah ibadah yang lazimnya berjalan selama 3 hari, pelajar mendengar ceramah, berbengkel, menunaikan solah jamaah, membaca *aurad ma'thurat* dan al-Qur'an dan mendirikan *qiyamullail* berjemaah. Kajian menunjukkan bahawa bakal guru berpendapat bahawa aktiviti ini meningkatkan pemahaman Islam, mengeraikan persaudaraan Islam, menyedihkan ruang untuk bertukar fikiran, memberi kesedaran tentang misi, falsafah dan objektif program. Lihat Rosnani Hashim, *The Relevance and Effectiveness of the IIUM Diploma in Education Programme as Perceived by Student Teachers*, unpublished research report, 1997, IIUM dan M. Sahari Nordin dan Rosnani Hashim, *Sumbangan kegiatan kokurikulum ke arah pencapaian matlamat pendidikan guru : satu kajian keberkesanan, kertas kerja* yang dibentangkan pada Seminar Kebangsaan Pendidikan Guru, Fakulti Pendidikan Universiti Putra Malaysia, 1997.

<sup>24</sup> Tyler, Hal. 103

## Penerapan Nilai-Nilai Murni Melalui Mata Pelajaran Bahasa Melayu Di Sekolah Rendah

Oleh  
Dr. Nor Hashimah Hashim

### Abstract

*What is implied in the Philosophy of National Education is the inculcation of human values in bringing about a balanced and wholesome human-being be it in physical, intellectual and spiritual aspect. Consequently, a value laden curricula have been introduced in schools both primary and secondary level. This article is based on a case study on one primary school in Penang (represents urban area) and one outside Penang (represents rural area). The focus of the study was on the 16 universal values that had been introduced in the Integrated Curriculum of Primary School-KBSR, whether or not they are meaningful when implemented. By observing a language teacher teaching Bahasa Melayu (Malay Language), the following objectives were set: (i) what universal values (out of 16 values) were most introduced (ii) how were those values to be actualized by the children (iii) what is the yard-stick used by the teacher to assess the effectiveness of the teaching of those values (iv) whether or not there was variance in actualizing those values between schools in urban area and schools in rural area. Without disregarding the importance of the detailed findings, one interesting thing that we can conclude is that the teaching of values in not only confined in schools, rather it also requires pro-active involvement of the parents in homes, the society around and more importantly the media surrounding us.*

### Pengenalan

Penerapan nilai-nilai murni di sekolah rendah diberi perhatian yang lebih serius dengan pelaksanaan KBSR pada tahun 1982/83. Pendekatan yang diberi penekanan untuk menerapkan nilai-nilai murni adalah penerapan nilai merentas kurikulum. Ini bermakna penerapan nilai-nilai murni tidak terhad pada mata pelajaran Pendidikan Moral atau Pendidikan Islam sahaja, malah diterapkan melalui semua mata pelajaran yang diajar di sekolah rendah, dan juga melalui aktiviti-aktiviti harian dan kegiatan kokurikulum.

Bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar dan salah satu mata pelajaran utama di sekolah rendah. Keistimewaan ini menjadikan Bahasa Melayu sebagai satu